

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE**  
**[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah fokus dan strategi daripada Kementerian dalam mempromosikan Sabah, khususnya Sandakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa mempromosi negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020. Fokus promosi bagi negeri Sabah adalah kepada produk pelancongan dan acara kepada pelancong dalam dan luar negeri melalui kerjasama dengan pejabat Wilayah di dalam negara dan pejabat luar negara.

## NO. SOALAN: 15

Bagi Sandakan, fokus bagi produk pelancongan adalah memperkenalkan tarikan alam semulajadi, flora & fauna, hutan tropika dan kawasan sekitar pantai timur Sabah. Contoh tarikan alam semulajadi adalah seperti menyusuri Sungai Kinabatangan, melawat tempat bersejarah di Sandakan dan juga pusat pemuliharaan Orang Utan Sepilok, pusat Konservasi Beruang Matahari Borneo dan Pusat Penemuan Hutan Hujan.

Selain itu, fokus juga diberikan kepada acara-acara kebudayaan khusus di Sandakan seperti *Sandakan Food Festival* dan Jejak Warisan Sandakan.

Strategi yang digunakan adalah:

- 1) promosi melalui penggiat sosial media;
- 2) mempelbagaikan pakej-pakej pelancongan melalui kerjasama dengan syarikat penerbangan dan agensi-agensi pelancongan domestik dan antarabangsa;
- 3) mempromosi acara-acara festival yang akan diadakan di Sandakan & Sabah melalui lawatan suai kenal media; kolateral dan cenderamata;
- 4) mempromosikan produk-produk pelancongan Negeri Sabah dalam pameran-pameran antarabangsa seperti ITB Berlin, *World Travel Mart (WTM)* London, *Arabian Travel Market (ATM)* Dubai dan pameran-pameran lain.
- 5) Mengemaskini pengkalan data maklumat-maklumat produk pelancongan dan acara-acara pelancongan Sabah (dan Sandakan) dalam laman web rasmi Tourism Malaysia dan media sosial.

Sekian, terima kasih.